

Shezlina Zakaria
No 303, Azabu Terrace Apartment,
16-35, Roppongi 5-Chome, Minato-ku
Tokyo 106-0032

5 April 2024

Kepada

YBrs. En Zahid Ismail
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Tuan,

PERMOHONAN CUTI SEPARUH GAJI (CSG)

Saya dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan, suami saya sedang mengalami masalah penglihatan iaitu *Bilateral Retinitis Pigmentosa* dengan ruang penglihatan yang semakin merosot. Keadaan ini telah menyukarkan beliau semasa menjalankan tugas di pejabat luar negeri iaitu Tourism Malaysia di Tokyo, Jepun. Malah ia memberi risiko yang tinggi dari segi keselamatan di sepanjang pergerakan beliau ke tempat kerja.

3. Mengambil kira faktor ini beliau telah diarahkan untuk bertukar ke ibu pejabat Tourism Malaysia Putrajaya bagi menyambung perkhidmatan beliau mulai **6 Mei 2024**. Beliau turut disarankan oleh pakar mata untuk menjalani rawatan susulan dengan segera. Rujukan surat adalah seperti di Lampiran. Saya faham bahawa tempoh Cuti Tanpa Gaji (CTG) Mengikut Pasangan saya akan terbatal berdasarkan tarikh tersebut.

4. Sehubungan dengan itu, saya ingin memohon Cuti Separuh Gaji (CSG) mulai **7 Mei** sehingga **31 Mei 2024** kerana saya perlu membantu suami saya untuk menjalani beberapa siri rawatan susulan. Oleh kerana beliau berisiko tinggi dalam pemanduan, saya perlu membantu beliau berulang alik ke ibu pejabat bagi menyelesaikan beberapa perkara penting sementara proses mendapatkan kelulusan BDR beliau. Saya mohon untuk mula bertugas pada **1 Jun 2024**. Tarikh saya melaporkan diri adalah pada **6 Mei 2024**.

5. Semasa tempoh CSG ini saya dapat menyelesaikan segala urusan penting dengan sempurna di mana seterusnya saya dapat memberi tumpuan kepada tugas apabila saya kembali ke pejabat nanti. Saya amat berharap agar pihak pengurusan dapat mempertimbangkan permohonan saya.

Budi bicara pihak pengurusan dalam perkara ini amat lah saya hargai demi kesejahteraan keluarga saya.

Sekian, terima kasih.



Shezlina Zakaria

Dr. Anah / En. Kucen
Bina & Bina
ZK